

Manfaat sains, teknologi demi kemanusiaan

Generasi muda perlu rungkai polemik wujud persekitaran lebih aman: PM



Penggunaan sains dan teknologi sepatutnya meraih manfaat untuk tujuan kemanusiaan, berbanding dijadikan alat menggalakkan peperangan dan siri pembunuhan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebilah pisau umpamanya, berupaya menghasilkan ukiran menawan, namun pada masa sama boleh dijadikan senjata pembunuhan.

"Penggunaan teknologi merangkumi kedua-dua tujuan ini amat diketahui umum dalam kalangan masyarakat Jepun kerana ia dicerminkan menerusi episod bom (atom) yang dijatuhkan di Hiroshima dan Nagasaki.

"Keupayaan sains di sebalik penghasilan bom atom boleh digunakan untuk tujuan memacu kemajuan bidang perubatan. Ternyata, manusia adalah faktor terpenting dalam menentukan penggunaan sains.

"Pilihan di tangan anda," ka-

tanya ketika menyampaikan syarahan bertajuk, 'Bagaimana Sains dan Teknologi Menyumbang Kepada Keamanan Dunia' kepada peserta sekolah musim panas, Sekolah Pemimpin Masa Depan Jepun (JFLS), di sini semalam.

Dr Mahathir diundang sebagai penceramah utama pada sekolah musim panas berkenaan yang disertai peserta dari Malaysia, Vietnam dan China. Ia juga kemunculan kali ke-16 Perdana Menteri pada ceramah tahunan JFLS.

Yang turut hadir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah serta Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Menitipkan nasihat, Dr Mahathir berkata, beban untuk merungkai pelbagai polemik di dunia angkara penyalahgunaan ilmu sains dan teknologi demi mewujudkan persekitaran lebih aman bagi manusia kini terletak pada bahu generasi muda.

"Ada mentaliti bahawa penjenayah perang yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan berjuta orang disanjung sebagai hero dan tugu didirikan bagi memperingati mereka.

"Anda mesti ubah tanggapan seperti ini. Sama ada bunuh seorang



Dr Mahathir menyampaikan syarahan di Sekolah Pemimpin Masa Depan Jepun, di Fukuoka, semalam.

[Foto BERNAMA]

atau berjuta, pembunuhan kekal sebagai satu bentuk jenayah," katanya.

Pada sesi soal jawab bersama peserta JFLS, beliau berkata, penindasan berasaskan bangsa masih wujud sehingga kini, namun pola sikap sedemikian di pentas global sudah menunjukkan pengurangan ketara.

"Orang kulit hitam dulunya dibawa masuk ke Amerika Syarikat sebagai hamba, tetapi hari ini kita lihat mereka dinobatkan sebagai presiden republik berkenaan.

"Begitu juga perubahan dalam barisan Kabinet United Kingdom. Perdana Menteriinya, Boris Johnson, baru-baru ini melantik anak pendatang yang mempunyai latar belakang keluarga Pakistan (Sajid

"Keupayaan sains di sebalik penghasilan bom atom boleh digunakan untuk tujuan memacu kemajuan bidang perubatan.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

Javid) sebagai Menteri Kewangan," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata, iltizam untuk melihat Malaysia melakar kejayaan adalah pemangkin di sebalik misi

memegang tampuk pemerintahan negara, meskipun dirinya kini semakin dimamah usia.

"Iltizam adalah kunci sebenar dan kepuasan yang dapat kita rasai apabila matlamat berkenaan berupaya dicapai dan pencetus semangat untuk terus melakar kejayaan bersilih ganti," katanya.

Semalam, Perdana Menteri turut melawat dan meluangkan masa kira-kira sejam untuk meneroka pameran interaktif dan teknologi di pusat seni digital interaktif 'teamLab Future Park' yang terletak di Canal City Hakata.

Beliau juga diberi taklimat dan penerangan mengenai pusat berkenaan oleh pengasasnya, Toshiyuki Inoko.